

DAP: Senarai 30 kongsi gelap beri persepsi buruk kepada kaum India
Malaysian Insider
Sept 7 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Ahli Parlimen Batu Gajah V.Sivakumar (gambar) menyelar tindakan polis menyenaraikan nama 30 ketua kongsi gelap yang dikatakan mempunyai niat buruk untuk menghina dan mencemarkan imej kaum India di negara ini.

Beliau berkata nama yang didedahkan itu adalah 100 peratus terdiri daripada ketua kongsi gelap berbangsa India dan seakan bangsa lain tidak memimpin kumpulan kongsi gelap.

"Laporan media hari ini memberitahu pendedahan polis tentang ketua kongsi gelap dari kumpulan 04, 08 dan 36 mengikut kawasan di Semenanjung Malaysia.

"Ini mencemarkan nama baik kaum India negara ini kerana sengaja dikaitkan dengan kegiatan haram yang melampau.

"Laporan itu memberi gambaran negatif seolah-olah semua orang India adalah samseng kerana lebih kurang dua minggu lalu, 49 nama kongsi gelap didedahkan polis tetapi hanya 30 orang yang berbangsa India didedahkan menjadi ketua kumpulan kongsi gelap," katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Beliau turut mempersoalkan tindakan polis yang seakan mahu melindungi pihak tertentu dan hanya memburukkan nama baik kaum India.

Katanya, tindakan polis tidak adil, berbaur hasutan dan bermotif jahat ini akan memberi kesan negatif kepada imej dan sosio-ekonomi kaum India di Malaysia.

"Sebagai contoh, anak muda India mungkin akan menghadapi masalah untuk mendapat kerja kerana majikan tidak berani memberi kerja kepada mereka.

"Belia India yang mahu berkecimpung dalam bidang perniagaan pula mungkin akan hilang peluang kerana imej negatif ini.

"Murid sekolah juga mungkin dihina oleh rakan-rakan dan guru-guru dengan istilah yang kurang menyenangkan. Masyarakat India akan dihina dan menghadapi tekanan atas imej buruk untuk selama-lamanya," katanya.

Sehubungan itu, Sivakumar menggesa Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan polis berhenti memburukkan nama baik masyarakat India dengan serta merta.

KDN pada Khamis memberitahu sudah mengenal pasti individu yang mempunyai kaitan dengan kongsi gelap dan dikatakan turut bergiat dalam bidang politik di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata jika siasatan mendapati mereka masih mempunyai kaitan dengan kongsi gelap, maka pihaknya akan mendedahkan nama mereka dan mengambil tindakan undang-undang.

Sementara itu, polis mendedahkan Ops Cantas Khas yang dilaksanakan sejak dua minggu lalu, telah memberi tekanan kepada anggota kongsi gelap apabila mereka cuba mencari perlindungan di negara jiran.

Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata operasi memburu kumpulan kongsi gelap kini tertumpu di kawasan sempadan negara termasuk di pintu-pintu masuk.

Untuk operasi dalam negeri, katanya polis menjalinkan kerjasama dengan agensi lain termasuk Jabatan Imigresen dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). - 7 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/senarai-30-kongsi-gelap-beri-persepsi-buruk-kepada-kaum-india-kata-mp-dap>